

# 9 strategi kurangkan nahas

Murid Tahun Satu hingga Tiga pelajari topik keselamatan jalan raya tahun depan

BH-16052006

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Topik keselamatan jalan raya akan dimasukkan dalam subjek Bahasa Melayu murid Tahun Satu, Dua dan Tiga di 7,601 sekolah rendah terpilih di seluruh negara, mulai tahun depan.

Ini antara 52 program dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010 yang menggariskan sembilan strategi jangka panjang untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dalam tempoh lima tahun.

Pelan induk itu yang pertama disediakan bagi mengisi visi dan misi

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), dilancarkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas memengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya di sini, semalam.

Dalam perutusan khas pada buku pelan berkenaan, Perdana Menteri mahu rakyat menyokong pelan lima tahun itu bagi mencapai sasaran memastikan jalan raya di seluruh negara lebih selamat.

Abdullah berkata, pelan lima tahun ini menggariskan sembilan strategi bagi menangani isu keselamatan jalan raya merangkumi aspek pendidikan, penguatkuasaan, kejurute-

**“Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010 diperkenal bagi meningkatkan daya saing negara dan tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan”**

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri

raan dan alam sekitar.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, pada sidang media menjelaskan topik keselamatan jalan raya dimasukkan dalam subjek Bahasa Melayu diputuskan berikutan kejayaan projek perintis di Kelantan.

“Kita dapati pengetahuan murid dan guru yang mengikuti kursus kesedaran keselamatan jalan raya, amat memuaskan,” katanya sambil menambah program berkenaan akan turut diperluaskan meliputi murid Tahun Empat hingga Enam pada tahap dua, diikuti tahap tiga (Tingkatan Satu dan Dua) serta tahap ter-

akhir (Tingkatan Empat).

Pelan itu, katanya, menetapkan tiga sasaran iaitu mencatatkan dua kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar berbanding 4.2 kematian pada 2005 dan 10 kematian akibat nahas jalan raya bagi setiap 100,000 penduduk berbanding 23.5 kematian tahun lalu.

Pelan lima tahun itu juga mahu mencapai sasaran 10 kematian bagi setiap 1 bilion kilometer perjalanan kenderaan (VKT) berbanding 18 kematian tahun lalu.

Chan juga berkata, kementerian

## Swasta bantu Tabung Keselamatan Jalan Raya

BH-16052006

DARI MUKA

memperuntukkan RM63 juta menerusi RMK-9 bagi membina lorong motosikal di seluruh negara dengan bajet tambahan sedia dipertimbangkan kerajaan.

“Kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati penunggang motosikal yang menggunakan lorong khas mempunyai risiko kemalangan pada kadar satu per enam daripada penunggang yang melalui jalan biasa,” katanya.

Chan berkata, kerajaan juga akan meningkatkan program kejuruteraan terutama di lokasi hitam yang dikenal pasti sering berlaku kemalangan.

Selain itu, kerajaan meluluskan penubuhan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (IPKJR) yang bertanggungjawab menjalankan kajian, penilaian dasar dan program semasa serta baru.

Chan berkata, Tabung Keselamatan Jalan Raya turut mendapat sumbangan sektor swasta termasuk Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) yang memperuntukkan 0.25 peratus daripada premium bernilai RMT5 juta setahun bagi membiayai pelbagai projek.

“Kita juga mendapat sumbangan pengimport dan pembuat motosikal yang memperuntukkan RM10 bagi setiap kenderaan baru berdaftar. Ini membawa kepada sumbangan bernilai RM4 juta setahun,” katanya.

### FAKTA

BH-16052006

#### Sembilan strategi Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010

- Penambahan dan pengekalan pendidikan serta langkah psikologi dalam menangani isu keselamatan jalan raya.
- Mengurangkan kecuaiannya manusia dengan menggabung dan mengguna pakai kepakaran teknologi.
- Mempertingkat dan meneruskan program kejuruteraan.
- Mempertingkatkan pelaksanaan program keselamatan jalan raya melalui komuniti dengan membabitkan majikan, pemimpin, ahli politik, ketua agama, pendidik, badan profesional, sukarelawan dan belia.
- Menggalakkan penggunaan kenderaan awam.
- Fokus kepada perbezaan jurang keselamatan jalan raya dengan matlamat mencapai faedah kos optimum dalam pengagihan sumber.
- Menumpu perhatian kepada pengguna jalan raya yang kerap terbabit dengan kemalangan, iaitu penunggang dan pembonceng motosikal, pemandu, penumpang dan pejalan kaki.
- Mengkaji semula dan meningkatkan peraturan keselamatan jalan raya.
- Mempromosikan perkongsian dana antara orang awam dan swasta bagi menjalankan program keselamatan jalan raya.

LIHAT MUKA 2